



DR MAHATHIR bersalaman dengan peserta Seminar Melayu Dalam Bahaya di PWTC, semalam. – Gambar oleh Surianie Mohd Hanif

# Sikap buruk bawa padah

BH - 11/10/2004: 6 Perdana

KUALA LUMPUR: Sikap orang Melayu yang kurang yakin kebolehan diri sehingga menyerahkan tanggungjawab mereka kepada bangsa asing jika tidak dibendung akan menyebabkan Melayu dijajah semula dan menjadi hamba di tanah air sendiri.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata tabiat orang Melayu yang mengambil mudah dalam banyak perkara dan tidak mahu bekerja keras untuk mencapai kesenangan menjadi wabak berbahaya yang boleh merosakkan bangsa itu sendiri.

Katanya, kaum Melayu dulu dijajah bukan kerana diserang British, sebaliknya sikap ingin hidup

senang dan mewah dengan cepat tanpa berusaha keras untuk tujuan itu.

“Raja-raja Melayu dulu dibayar ‘gaji politik’ supaya mereka tidak bekerja, sebaliknya serahkan pentadbiran kepada British. Ini tidak banyak berbeza sekarang kerana ramai orang kita kini boleh dibeli dengan wang.

“Melayu hari ini walaupun berilmu tetapi tabiat mereka tidak suka diarah bangsa sendiri, sebaliknya menyanjung ketua di kalangan orang luar, sekali gus sikap itu memandang rendah keupayaan bangsa sendiri,” katanya ketika menyampaikan ceramah dalam bertajuk Melayu dalam Ba-

haya, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Hadir sama isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi SMM, Wan Azrain Adnan.

Terdahulu ceramah disampaikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo; Exco Kerajaan Negeri Perak, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir dan Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin.

Seminar bertemakan ‘Melayu Muda Generasi Wawasan’ anjuran Sekretariat Melayu Muda (SMM) bertujuan memupuk kesedaran di kalangan generasi muda Melayu untuk memaju dan mengenal jati diri.